

The logo for 'CREATE e-newsletter' is displayed on a dark blue background. The word 'CREATE' is in a large, white, sans-serif font, with the letter 'R' highlighted in yellow. Below it, the words 'e-newsletter' are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font. A thin yellow horizontal line is positioned at the bottom of the logo area.

CREATE

e-newsletter

Pelindung Muka D.I.Y buat petugas barisan ha

Menyedari kelengkapan seperti alat pelindung muka (*face shield*) yang semakin berkurangan dan keperluan perubatan yang sedang berkhidmat di hospital yang merawat pesakit Covid-19 di seluruh negara telah untuk menghasilkan pelindung muka D.I.Y dengan menggunakan bahan yang mudah diperolehi dan boleh

Justeru, sukarelawan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) tampil menghulurkan tangan menyidi untuk digunakan oleh para petugas barisan hadapan sejak beberapa hari lalu.

Menurut Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan, Dr. Muhammad Sirri Ammar Ramzani, keperluan pelindung muka amat penting buat petugas barisan hadapan ini bagi mengelakkan diri dari terdedah dan boleh mengancam nyawa akibat jangkitan virus Covid-19 ini.

“Pihaknya menghargai komitmen mahasiswa dan kerjasama UMP dalam menjayakan usaha ini.

“Setakat dua hari ini, sebanyak 500 pelindung muka berjaya dihasilkan dan pihaknya akan menyelaras agar hospital mengikut keperluan segera.

“Bagi setiap sesi hanya dihadkan kepada 20 sukarelawan sahaja dan sebagai menjamin tahap kebersihan, diberikan taklimat penjagaan kesihatan oleh pegawai perubatan yang bertugas serta mematuhi jarak sosial dan alat pelindung muka ini,” ujarnya yang hadir di UMP Kampus Gambang pada 28 Mac 2020 yang lalu.

Dengan sasaran sebanyak 6,000 pelindung muka untuk dihasilkan, pihaknya mengalu-alukan sebarang keupayaan tinggi untuk sama-sama menjayakan usaha ini.

Sementara itu, bagi mahasiswa UMP, Nursyazwani Zainurin, 22 yang tinggal di kolej kediaman sepanjang tempoh PKP ini berbangga apabila dapat bersama-sama menyumbang sesuatu kepada petugas kesihatan setempat di kampus.

Dalam pada itu juga, sekumpulan pensyarah daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanik dan Auto menghasilkan sebanyak 200 pelindung muka D.I.Y bagi membantu petugas kesihatan di Pejabat Kesihatan

Pelindung muka yang dihasilkan ini berkemampuan menghalang titisan atau hembusan air (*liquid*) di antara kalis air.

Ia sesuai digunakan di klinik atau hospital yang memerlukan pengendalian *direct* antara pesakit dan p (*liquid*) ke muka pengendali.

CIReL tawar program latihan tingkat pembelajaran dan penga

Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (CIReL) dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Su (UMP) menganjurkan program latihan pengajaran secara e-Pembelajaran *Online Education Training* kepada platform Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di atas talian yang lebih baik.

Menurut Pengarah CIReL, Profesor Madya Ts. Dr. Adzhar Kamaludin, pihaknya mengadakan program dikendalikan oleh penceramah yang dilantik mengikut kepada bidang kepakaran masing-masing.

“Pensyarah perlu memilih pembelajaran alam maya sebagai alternatif kepada mod pembelajaran berse sedikit mencabar dan agak terhad.

“Selaras dengan perkembangan teknologi pendidikan pada hari ini kaedah ini dapat menarik minat pelajar t

“Walaupun dengan keterbatasan di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang menjadi satu alasan kepada kita untuk tidak melakukan apa-apa aktiviti yang bermanfaat terutamanya warg

Tambah beliau lagi, dengan kecanggihan teknologi pendidikan pada hari ini, banyak peluang dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dan ketika inilah masa yang paling sesuai untuk warga universiti memilih kaedah e-learning.

Beliau turut menyarankan agar semua warga UMP mengambil peluang dalam penggunaan kaedah e-learning yang mungkin.

Seramai tujuh orang pensyarah yang terlibat dalam mengendalikan sesi latihan ini antaranya iaitu pensyarah Ts Azman Abdullah, Ts Dr. Awanis Rosli dan Dr. Mohd Zamri Osman.

Manakala dari Pusat Bahasa Moden ialah Dr. Azwin Arif Abdul Rahim dan Muhammad Shafeirul Zaman Ab

Turut serta Dr. Muhammad Azrin Ahmad dari Pusat Sains Matematik dan Dr. Gan Leng Ming dari Fakulti Automotif (FTKMA).

Selain itu, terdapat dua sesi kursus yang dibuka bukan sahaja kepada warga UMP malah kepada masyarakat

Sebagai contoh, program *Conducting Teaching and Learning: iPad dan Loom and Microsoft Stream* (Inovasi) telah menarik perhatian pihak luar yang berminat.

Manakala menurut pensyarah Fakulti Pengurusan Industri (FPI), Airin Abdul Ghani, beliau telah mengikuti latihan ini untuk membantu dalam pengajaran secara *e-Learning*.

Menerusi latihan ini beliau dapat meneroka ilmu baharu dalam bahan pembelajaran secara *e-Learning* terutamanya seperti audio dan video.

“Dengan pelbagai inovasi dalam dunia pendidikan kini berpotensi memacu pemikiran pengajaran secara kreatif dan inovatif.”

Sepanjang sesi latihan dua hari lalu menyaksikan lebih 500 peserta yang telah mengikuti beberapa sesi latihan ini.

Pendaftaran awal boleh dibuat melalui <https://forms.gle/sBoscWGZh3eQm7Lq5>.

Pengguna perlu bijak pilih cecair pembunuh kuman

Ekoran penularan wabak COVID-19 yang sedang melanda negara dan kebanyakan negara di seluruh dunia, penggunaan cecair pembunuh kuman (*sanitizer*), topeng, pelindung muka dan pakaian keselamatan menjadi tumpuan dan sukar mendapatkan.

Malahan ramai yang mengambil inisiatif menghasilkannya sendiri termasuklah cecair pembasmi kuman dan disinfektan untuk menangani penularan wabak ini.

Menurut penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datin Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dan Dr. Nurul Huda, dalam proses (FTKKP), beliau menasihatkan orang ramai agar tidak menghasilkan cecair itu sesuka hati kerana ia memerlukan pengetahuan dalam bidang Sains.

“Berhati-hati sekiranya menggunakan bahan kimia seperti *isopropil* alkohol yang mudah terbakar serta menimbulkan risiko kebakaran dan membahayakan diri.”

“Ujian perencatan terhadap microb juga perlu dilakukan dalam memastikan tahap selamat digunakan tanpa

“Namun, apa yang paling utama adalah produk tersebut mampu membunuh kuman,” ujar beliau.

Profesor Datin Dr. Mimi Sakinah juga berkongsi pengalamannya selama lebih 12 tahun dalam penghas dinamakan *Germs Free Hand Sanitizer* yang ditambah dengan ekstrak daun sirih bagi merencatkan pembia

“Produk ini turut mengandungi Aloe Vera dan Vitamin E yang sesuai untuk kulit.

“Produk ini berbeza dengan cecair pembunuh kuman sedia ada di pasaran kerana ia dapat menge penggunaan etanol iaitu bahan kimia alkohol yang asasnya daripada petroleum.

“Pada masa ini, produk ini terdapat dalam bentuk cecair dan gel,” katanya.

Beliau berkata, inovasi ini telah diuji di Makmal Bioserasi dan Klinik di Universiti Kebangsaan Malaysia (digunakan.

Selain itu, ia digunakan secara dalaman di UMP dan di beberapa syarikat, farmasi dan hospital di bandar in

“Setakat ini, produk ini tidak memberikan sebarang kesan negatif dan ramai memberikan maklum balas po digunakan dan tidak merengsa seperti produk lain,” ujarnya.

Ketika ini, pihaknya juga melakukan penyelidikan lanjutan dengan mempelbagaikan aroma semula jadi sep

“Malahan ada juga permintaan supaya ia tidak dicampur bersama aroma lain khususnya bagi kegunaan ibadah umrah.

“Produk ini juga telah diuji terhadap bakteria dan virus (*inhibit germs*) dengan formula baharu kandun namun, ia tidak merengsakan kulit dan selamat digunakan.

“Produk ini dihasilkan di dalam makmal UMP yang mempunyai persijilan MS ISO 13485:2016 dan katanya.

Pihaknya juga dalam proses mendapatkan sijil halal bagi cecair pembunuh kuman ini dan ia perlu m pengurusan amalan terbaik daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

Berdepan dengan situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pihaknya juga menemui banyak kekanga ini yang mendapat permintaan lebih sepuluh kali ganda berbanding sebelum ini.

Antara cabarannya kini adalah harga bahan mentah iaitu alkohol yang meningkat sebanyak 50 peratus ser

Begitu juga harga botol turut meningkat sebanyak 150 peratus dan sukar mendapatkan botol termasuk pa botol pada masa ini rentetan daripada penutupan operasi kilang akibat penularan wabak COVID-19.

Beroperasi di bawah UMP Renal Care Sdn. Bhd. iaitu syarikat di bawah UMP Holdings Sdn. Bhd, kini pihak botol sehari atau 300 liter dengan pelbagai saiz iaitu 30 ml, 50 ml, 100 ml, 500 ml dan 2 liter.

Syarikat ini juga kini mengeluarkan produk disinfektan tahap tinggi (*high level disinfectant*) yang berasal dari negara-negara yang selamat datang.

Kaunselor UMP beri sokongan psikologi urus k

Oleh: MOHD. FERDAUS MUSA, PEJABAT NAIB CANSELOR

Susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh Perdana Menteri mulai 18 Mac se ini menimbulkan kerisauan bukan sahaja terhadap ancaman penularan wabak Covid-19 malahan kesan PKP terhadap kehidupan seharian termasuklah pelaksanaan dasar bekerja dari rumah.

Pegawai Psikologi Kanan, Hajah Paridah Mohd Ali yang juga Ketua Bahagian Kaunseling dan Psikologi berkata, cabaran terbesar bagi kaunselor di universiti adalah untuk menangani permasalahan pelajar yang

“Meskipun mereka berada di Kolej Kediaman atau di kampung halaman, para kaunselor sentiasa bersedia untuk kaunseling.

“Dalam situasi PKP ketika ini, kaedah berbeza diambil berbanding pendekatan bersemuka yang dipraktikkan

“Maka sepanjang tempoh PKP ini, para kaunselor memanfaatkan sepenuhnya penggunaan media sosial untuk komunikasi video *Skype* dalam membantu menguruskan permasalahan pelajar yang ingin mendapatkan khidmat

Sebelum ini juga, ujar beliau, khidmat kaunseling turut dibuat secara atas talian namun pada kali ini ianya dilakukan melalui PKP ini.

“Pelajar juga boleh menggunakan sistem e-Kaunseling di laman portal UMP yang mana para pelajar boleh menghubungi kaunselor bagi mengajukan sebarang pertanyaan atau permasalahan.

“Antara khidmat kaunseling yang acap kali diajukan pelajar sepanjang PKP ini adalah berkaitan akademik dan kesihatan mental akibat takut dijangkiti.

“Pihaknya sentiasa memberi nasihat dan sokongan buat pelajar agar sentiasa tenang, positif dan mendapa

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai pengalaman bekerja dari rumah, beliau berpendapat ia memp masa fleksibel dan pengurusan antara rumah dengan pejabat yang lebih seimbang.

“Namun, terdapat juga kekangan seperti ketiadaan sumber fizikal seperti ruang kerja yang terhad, tiada sempadan fizikal semasa menguruskan keluarga dan bekerja di rumah.

“Dalam masa yang sama kita juga perlu membahagikan masa untuk urusan di rumah seperti mengemas keluarga serta tugas di pejabat.

“Namun sesi kaunseling dan mesyuarat yang telah diatur masih dapat terus dilaksanakan melalui sist beliau.

Para pelajar juga boleh menghubungi semua kaunselor yang berada di kedua-dua kampus UMP Pekan d bersedia membantu bersesuaian dengan *tagline* Bahagian Kaunseling dan Psikologi UMP, *Here To He* Hajah Paridah Mohd Ali (019-9153440), Puan Fara Hazlini Mohd Som (019-9819094), Puan Nur Azila C Mohd Daud (013-9621886).

Manakala staf UMP juga boleh mendapatkan khidmat nasihat melalui Unit Perundingan dan Bantuan S EAP, Dr. Fatmawati Latada (019-2286379) atau Pegawai Psikologi UMP, Nur Atiqah Mohd. Nor (013-719 0

Warga UMP juga dinasihatkan agar terus kekal tenang dan kekal berada di rumah atau di kampus se sentiasa stabil sepanjang tempoh PKP ini.

Semoga wabak ini akan segera pulih agar kita dapat meneruskan kehidupan harian seperti biasa.

Mahasiswa kekal berada di dalam kampus haru

Oleh: MOHAMAD HAKIMI KAMARUDIN, PEJABAT NAIB CANSELOR

Sejak hari pertama arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga dilanjutkan kepada 14 April dep akan dikenang sepanjang hayat terutamanya buat para pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang ting

Walaupun tidak dapat pulang ke kampung dan terpaksa sentiasa berada di dalam kampus ia tidak mengha bagi mengisi masa terluang.

Menurut pelajar tahun 3 dari Fakulti Pengurusan Industri, Risman Kusaini, ramai pelajar yang gemar beribadat dalam tempoh PKP ini para pelajar tidak dapat melakukan aktiviti atau rutin harian mereka seperti biasa.

“Namun, ia bukan penghalang buat mereka untuk terus melakukan aktiviti sihat dan memastikan tahap kesihatan mereka.

“Bagi mengekalkan tahap kesihatan yang berterusan dan kekal aktif, para pelajar masih boleh melakukan senaman, regangan atau aktiviti fizikal seperti *push ups* dan *Ab lounge* yang menggunakan pelbagai alat untuk membantu melancarkan peredaran darah dan menguatkan otot.

“Aktiviti ini tidak melibatkan sentuhan dan boleh dilakukan secara persendirian dan sangat sesuai diadakan di bilik.

Masa yang terluang ini turut memberi ruang buatnya menyiapkan tugas dan membersihkan bilik.

Jelas beliau lagi, selain mengulang kaji, banyak masa digunakan untuk melayari Internet, menonton filem dan mendengar muzik walaupun tidak bersemuka.

Anak kelahiran negeri Sabah ini membuat keputusan untuk tinggal di kampus sahaja kerana menyekat penyebaran Covid-19 di luar.

Beliau juga bersyukur dan berterima kasih kepada UMP atas keprihatinan serta bertanggungjawab dalam memastikan masih berada di dalam kampus sama ada di UMP Pekan atau UMP Kampus Gambang.

“Begitu juga dengan keperluan harian seperti bekalan makanan, perubatan dan keperluan harian yang lain yang disediakan oleh pihak UMP.

“Keluarga saya juga tidak risau keadaan saya di sini kerana pelbagai inisiatif yang disediakan oleh pihak UMP untuk memastikan kesejahteraan kami.

“Saya sangat berterima kasih kepada staf UMP yang sentiasa memberi khidmat yang terbaik kepada kami, memastikan kami sentiasa dalam keadaan selamat dan sihat.

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai bahaya wabak Covid-19 dan kepentingan penjagaan kesihatan kepada warga dan masyarakat setempat, UMP turut menganjurkan pertandingan video pendek, foto dan e-artwork.

Para pelajar juga dinasihatkan agar sentiasa mematuhi arahan Majlis Keselamatan Negara dan peraturan yang ditetapkan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan diri pelajar berada dalam keadaan baik.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
wanazhar@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Ts. Dr. Muhamad Mat Noor
muhamad@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

Mohd Suhaimi Hassan
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan yang tidak diterima untuk penyiaran selagi tidak disetujui. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggaransi kebenaran dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor adalah dilarang.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas pandangan yang dikemukakan dalam artikel yang dikirimi melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimi akan dipertimbangkan dan dikembalikan. Sumbangan karya boleh diarahkan kepada penerbit di:

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: *safriza@ump.edu.my*

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 105 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering - Technology - Creativity
Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

